

HARI KELUARGA 2017 NO 6 SKUADRON



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2534-hari-keluarga-2017-no-6-skuadron

LABUAN, 8 Okt 17 – No 6 Skn telah mengadakan Hari Keluarga Tahun 2017 bertempat di Pusat Aktiviti Homestay Kg. Sg. Labu, Labuan. Majlis disertai oleh semua Pegawai dan anggota No 6 Skn. Majlis ini juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran Komander Pangkalan PU Labuan, YBhg Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM bersama isteri.

Majlis ini turut disertai oleh guru dan pelajar dari Sek Men St. Anne, Labuan bagi menjayakan kerjasama program kitar semula dibawah tajaan Petronas All About Youth 2017 yang bertemakan Go Green. Pelbagai aktiviti sukaneka dan cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik telah diadakan sepanjang majlis tersebut.



